

Malaysia—Korea

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

dijangka klan erat

Oleh AMIN HUSAINI HARUN

SEOUL, Sabtu — Hubungan Malaysia dengan Korea Selatan dijangka bertambah kukuh hasil lawatan empat hari Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, ke sini yang berakhir hari ini.

Datuk Musa sendiri mengakui bahawa lawatannya ini telah mencapai kejayaan yang dihasratkan. Kini maksud sebenar dasar "pandang ke timur" kita difahami dan disedari oleh kerajaan serta sektor berkenaan di Korea Selatan.

Jurucakap rombongan Datuk Musa, Encik Mon Jamaluddin, berkata dari lawatan ini banyak kesempatan yang boleh Malaysia kaji untuk dilaksanakan.

Rakyat Korea ingin lebih dekat mengetahui dasar-dasar Kerajaan Malaysia, terutama dasar pandang ke timur, manakala pemerintahnya pula bersetuju menimbang kan keperluan-keperluan yang Malaysia pohon dalam pelaksanaan dasar berkenaan.

Antara perkara yang dipersetujui pada dasarnya, ialah membantu dan lebih rapat bekerjasama dalam bidang latihan, memperluaskan dagangan serta pembangunan negara dari segi projek-projek pembinaan yang besar.

Menurut Encik Mon, Timbalan Perdana Menteri merasakan kun-

jungan ini berjaya melihat bagaimana Korea Selatan telah dapat bergerak maju, dalam masa yang singkat, hasil ketekunan dan kerja keras penduduknya.

Di samping itu, perkenalan dan hubungan beliau dengan beberapa menteri kabinet seperti Timbalan Perdana Menteri Korea Selatan yang juga Menteri Perancangan Pembangunan Negara, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Luar Negeri telah jalinkan muhibah yang sebelum

ini tidak begitu ketara.

Pada mereka, kini, lahir persetujuan pendapat yang akan merapatkan hubungan kerajaan dengan kerajaan dan antara rakyat dengan rakyat kedua-dua negara, katanya.

Kata Encik Mon, kunjungan Datuk Musa ini adalah siri pertemuan untuk merapatkan kedua-dua negara dalam semua aspek — ekonomi, perindustrian, pendirian dan pandangan antarabangsa. — Bernama.

Kejutan: 3 terbunuh

PULAU PINANG, Sabtu — Tiga pekerja kontraktor terbunuh serta merta akibat kejutan elektrik sewaktu sedang menolak mesin penanam cerucuk yang tersangkut di kabel dekat Bayan Baru hari ini.

Seorang pekerja lagi terselamat dari maut apabila dia tercampak dari mesin itu.

Ketiga-tiga pekerja itu mati dengan serta-merta dan terdapat kesan kebakaran di badan mereka.

Mereka ialah Ismail bin Osman, 23, dari Ulu Langat Selangor, Mat Bakri bin Abdul Ghani, 23, dari Kampung Sungai Batang Sik, Kedah dan Ramli bin Ismail,

18, dari Hutan Nibung, Bukit Mertajam.

Seorang rakan mereka yang terselamat, Mian bin Subari, 27, masih gamam dengan kejadian itu.

"Kami mula bekerja pada jam 8.00 pagi dan pada kira-kira jam 11.00 pagi setelah selesai kerja, kami menolak mesin penanam cerucuk itu ke tempat lain. 15 minit kemudian, saya merasa satu kuasa kuat dan tercampak empat kaki dari mesin tersebut," beritahunya.

Pegawai-pegawai dari Lembaga Elektrik Negara (LLN) bekerja ke tempat kejadian itu dan bekalan elektrik dipotong.